

CNS7291

U GB 11-07 00164 BH458

BAH

SUKMA KE-4 BERAKHIR PENUH WARNA-WARNI

SUKMA - Tutup

JOHOR BAHRU, 11 Julai (Bernama) -- Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-4 berakhir hari ini dalam acara penuh warna-warni dengan upacara penutupnya dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Tan Sri Hassan Yunus Larkin di sini.

Hujan yang turun sejurus sebelum bermulanya dua acara terakhir olahraga hari ini -- acara 4x400m wanita dan lelaki -- tidak menjejaskan kemeriahan penonton, yang membanjiri stadium sejak awal petang. Upacara itu disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Bendera SUKMA, yang berkibar sejak temasya sukan kebangsaan itu bermula sepuluh hari lepas, diturunkan sebaik sahaja Perdana Menteri mengisytiharkan temasya itu ditutup.

Perdana Menteri kemudian menyerahkan bendera SUKMA kepada Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang juga merupakan pengerusi Majlis Sukan Negeri Perak. Negeri itu akan menjadi tuanrumah SUKMA ke-5 pada 1994. Api kawah sukan kemudian dipadamkan perlahan-lahan menandakan tamatnya temasya sukan 10 hari itu. -- Lagi.

▼11/07/20-00MST

CNS7293

U GB 11-07 00145 BH459

BAH

SUKMA - Tutup 2 Johor Baharu

Sejumlah 199 pingat emas dipertandingkan pada SUKMA kali ini dengan Sarawak mempertahankan kejuaraan mereka menggondol 36 emas, 27 perak dan 26 gangsa.

Sebelum itu, kesemua 17 kontingen SUKMA, didahului kontingen Angkatan Tentera Malaysia melakukan perbarisan lintas hormat melalui pentas khas.

Selain persembahan dari anggota pancaragam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim dan Sekolah Tun Fatimah Johor Baharu, penonton juga dihiburkan persembahan kumpulan muzik tempatan +Exist+.

Sementara itu, peserta dari Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) Khoo Kah Hock untuk acara memanah muncul sebagai Olahragawan Terbaik manakala perenang Pulau Pinang Magdaline Soh dianugerah Olahragawati Terbaik SUKMA kali ini.

Khoo, yang meraih empat emas dan satu pingat perak dan Magdaline, yang memperolehi lapan emas termasuk dua acara berpasukan, masing-masing menerima anugerah trophi dan wang tunai \$2,000. -- Lagi.

▼11/07/20-02MST

CNS7294

U GB 11-07 00145 BH460

BAH

SUKMA - Tutup 3 (Akhir) Johor Baharu

Atlit olahraga berusia 16 tahun, Azmi Ibrahim dari Pahang, yang memecahkan dua rekod kejohanan dalam acara 100m dan 200m, dan peserta boling dari Selangor Shalin Zulkifli, yang meraih empat emas, menerima anugerah anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan dan wang tunai \$1,000.

Kontinjen Sarawak pula muncul sebagai kontinjen terbaik manakala Hadiah Khas Pasukan Cemerlang pula digondol pasukan kayak Johor, yang memenangi tujuh emas.

Perdana Menteri menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

SUKMA kali ini menyaksikan sebanyak 15 rekod baru dicatat dalam acara olahraga dan 22 rekod baru dalam acara renang.

Yang turut hadir pada majlis itu termasuk Menteri Belia dan Sukan Haji Annuar Musa, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Besar Johor Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin serta Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud. -- Bernama.

▼11/07/20-04MST